



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 MAC 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MOHON TAMBAHAN BERAS PUTIH 500,000 TAN DARI INDIA, LOKAL, HM -20 KUASA BEKU PERMIT PINDAH PADI ANTARA NEGERI BAWAH AKTA 522, HM -ONLINE 'PINDAHAN PADI DI ANTARA NEGERI MASIH DIBEKU SEJAK JUN TAHUN LALU' -KPB, BH -ONLINE PEMBEKUAN PERMIT PEMINDAHAN PADI DI BAWAH KUASA KETUA PENGARAH KPB, SH -ONLINE PERMIT PINDAH PADI KE LUAR NEGERI DIBEKU SEJAK 20 JUN TAHUN LALU, KOSMO -ONLINE BERAS TEMPATAN MASIH TIADA DI PASARAN?, DALAM NEGERI, UM -8 PERMIT PINDAH PADI ANTARA NEGERI DIBEKU SEJAK JUN LALU, NASIONAL, BH -19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8. 9.	SRI AMAN LOKASI TERBAHARU RABIES, LOKAL, HM -16 SRI AMAN DECLARED RABIES-INFECTED AREA, NATIONAL, THE SUN -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
10.	RIBUAN UBUR-UBUR TERDAMPAR DI PESISIR PANTAI, NASIONAL, SH -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	PADI DAHAGAKAN AIR, LOKAL, HM -18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
12.	RISAU TIADA BENIH PADI BERULANG, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21.	TANAM PADI DALAM POLIBEG, TUAI HASIL SELEPAS 3 BULAN, NASIONAL, BH -20 TANAM PADI DALAM POLIBEG, LOKAL, HM -21 300 PESAWAH SUSAH HATI TIADA BENIH PADI, DALAM NEGERI, UM -30 PROJEK TANAMAN PADI BERKELOMPOK DITERUSKAN, DALAM NEGERI, UM -30 350 KAMPIT BERAS 'LICIN' TAK SAMPAI 10 MINIT, NASIONAL, SH -29 SAWAH PADI TOK LAWIT PAYA RAPAT KEMBALI PULIH, NEGARA, KOSMO -16 RM200,000 BANTU PETANI HADAPI KEMARAU, TIMUR, HAKAKAH -H15 GALI 100 TELAGA TIUB UNTUK PESAWAH, KOTA BHARU, SH -28 TEMBIKAI ISTIMEWA TAHFIZ AL-QURAN AL-AHMAD, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2024	HARIAN METRO	LOKAL	20

Mohon tambahan beras putih 500,000 tan dari India

Putrajaya: Kerajaan berhasrat mengemukakan permohonan peruntukan tambahan dari India untuk metrik beras putih negara itu ke Malaysia, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad berkata, permohonan rasmi kepada kerajaan India itu akan dibuat menerusi saluran diplomatik tidak lama lagi.

"Dalam pertemuan sebentar tadi, saya turut mengambil kesempatan me-

rakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas peruntukan khas kerajaan India mengeksport 170,000 tan metrik beras putih ke Malaysia," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan selepas kunjungan hormat Menteri Luar India Dr S Jaishankar ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin.

Pada 18 Oktober lalu, media melaporkan kerajaan India meluluskan pengeksportan 170,000 metrik tan beras putih bukan Basmati ke Malaysia, sebagai tanda



Peluang yang cukup luas untuk Malaysia dan India mengembangkan lagi skop kerjasama dua hala dalam pertanian dan sekuriti makanan"

Mohamad Sabu

persahabatan istimewa antara kedua-dua negara.



Mohamad turut mengahdiri sesi perbincangan an-

tara Jaishankar bersama Anwar berkata, Malaysia mengemukakan permohonan rasmi kepada India pada awal tahun ini, bagi mendapatkan peruntukan eksport khas 100,000 tan metrik bawang melalui perjanjian kerajaan dengan kerajaan (G2G).

Beliau berkata, Malaysia menghargai hubungan dua hala yang baik dengan India dalam bidang pertanian dan sekuriti makanan.

"Peluang yang cukup luas untuk Malaysia dan India mengembangkan lagi skop

kerjasama dua hala dalam pertanian dan sekuriti makanan" katanya.

Mohamad berkata, beliau berharap hubungan antara kedua-dua negara dapat mencapai tahap lebih tinggi dan meluas pada masa hadapan.

Beliau berkata, nilai dagangan dalam sektor itu bagi tempoh Januari hingga November tahun lalu bernilai RM19.42 bilion.

Jaishankar dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Malaysia, bermula kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Kuasa beku permit pindah padi antara negeri bawah Akta 522



Putrajaya: Kuasa untuk membekukan permit pemindahan padi antara negeri adalah di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] melalui fungsi Ketua Pengarah KPB, demikian menurut Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

Dalam kenyataan hari ini, KPB memaklumkan kenyataan kerajaan Terengganu yang mengeluarkan arahan pembekuan perpindahan padi adalah tidak tepat dan mengelirukan.

Menurut KPB berkuat kuasa 20 Jun 2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaluinya sudah membekukan semua permohonan permit perpindahan padi daripada ke luar negeri.

"Langkah ini adalah satu langkah intervensi KPKM bagi mengatasi isu bekalan beras setempat serta mengambil kira kebajikan petani," menurut kenyataan itu.

Menurut KPB Arahan pembekuan permohonan perpindahan padi itu masih lagi berkuat kuasa sehingga kini.

Bagaimanapun, sekiranya terdapat lebihan hasil padi di dalam negeri dan terdapat keperluan untuk menjual padi merentasi negeri, permohonan boleh dikemukakan di pejabat KPB negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah KPB.

Pada 26 Mac lalu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri Terengganu Dr Azman Ibrahim dilaporkan berkata kerajaan negeri membeku permit pemindahan padi keluar dari negeri itu.

Beliau berkata arahan itu antara mekanisme kawalan bagi mengelakkan hasil padi negeri dijual ke negeri lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

'Pindahan padi di antara negeri masih dibeku sejak Jun tahun lalu' - KPB



PUTRAJAYA: Kuasa untuk membekukan permit pemindahan padi di antara negeri mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) adalah melalui fungsi Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

KPB memaklumkan, kenyataan Kerajaan Terengganu yang mengeluarkan arahan pembekuan perpindahan padi keluar dari negeri itu adalah tidak tepat dan mengelirukan.

Katanya, berkuat kuasa sejak 20 Jun 2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui KPB membekukan semua permohonan permit perpindahan padi daripada ke luar negeri.

"Langkah ini merupakan satu langkah intervensi KPKM bagi mengatasi isu bekalan beras setempat serta mengambil kira kebajikan para petani," menurut kenyataan itu.

Menurut KPB, arahan pembekuan permohonan perpindahan padi itu masih lagi berkuat kuasa sehingga kini.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada lebihan hasil padi di dalam negeri dan terdapat keperluan untuk menjual padi merentasi negeri, permohonan boleh dikemukakan di pejabat KPB negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah KPB.

Pada 26 Mac lepas, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim, dilaporkan berkata kerajaan negeri membeku permit pemindahan padi keluar dari negeri tersebut.

Beliau berkata arahan itu antara mekanisme kawalan bagi mengelakkan hasil padi negeri dijual ke negeri lain. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pembekuan permit pemindahan padi di bawah kuasa Ketua Pengarah KPB



Berkuatkuasa 20 Jun tahun lalu, KPKM melalui KPB telah membekukan semua permohonan permit perpindahan padi ke luar negeri. - Gambar hiasan

PUTRAJAYA - Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) menjelaskan kuasa pembekuan permit pemindahan padi antara negeri terletak di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] melalui fungsi Ketua Pengarahnya.

Menurut KPB, kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu Dr Azman Ibrahim bahawa kerajaan negeri yang mengeluarkan arahan pembekuan perpindahan padi adalah tidak tepat dan mengelirukan.

"Berkuatkuasa 20 Jun tahun lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui KPB telah membekukan semua permohonan permit perpindahan padi ke luar negeri," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

KPB berkata, langkah intervensi itu dibuat bagi mengatasi isu bekalan beras setempat serta mengambil kira kebajikan para petani dan arahan pembekuan permohonan perpindahan padi masih lagi berkuatkuasa sehingga kini.

"Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat lebih hasil padi di dalam negeri dan terdapat keperluan untuk menjual padi merentasi negeri, permohonan boleh dikemukakan di pejabat KPB negeri untuk pertimbangan serta kelulusan Ketua Pengarah," katanya.

Sebelum ini, Dr Azman di dalam akhbar tempatan dilaporkan berkata, kerajaan negeri mengarahkan permit pemindahan padi keluar dari Terengganu dibekukan.

Beliau berkata, arahan tersebut bagi mengelakkan hasil dijual ke negeri lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	KOSMO	ONLINE	

Permit pindah padi ke luar negeri dibeku sejak 20 Jun tahun lalu



PUTRAJAYA – Semua permohonan permit perpindahan padi daripada ke luar negeri dibekukan sejak 20 Jun tahun lalu.

Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan berkata, arahan tersebut adalah di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] melalui fungsi Ketua Pengarah KPB.

Katanya, arahan pembekuan itu masih berkuat kuasa dan ia merupakan langkah intervensi KPKM bagi mengatasi isu bekalan beras setempat serta mengambil kira kebajikan para petani.

“Untuk rekod, arahan pembekuan permohonan perpindahan padi masih lagi berkuat kuasa sehingga kini.

“Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat lebih hasil padi di dalam negeri dan terdapat keperluan untuk menjual padi merentasi negeri, permohonan boleh dikemukakan di pejabat KPB negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah KPB,” kata kenyataan itu tadi.

KPB berkata, kenyataan yang diberikan bahawa kerajaan negeri Terengganu yang mengeluarkan arahan pembekuan perpindahan padi adalah tidak tepat dan mengelirukan.

Terdahulu media melaporkan, kerajaan Terengganu mengarahkan semua permit pemindahan padi keluar daripada negeri itu dibekukan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi, Dr. Azman Ibrahim, berkata arahan itu antara mekanisme kawalan bagi mengelakkan hasil padi negeri dijual ke negeri lain. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Beras tempatan masih tiada di pasaran?

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**
irdina.sumali@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Bekalan beras putih tempatan (BPT) yang berharga RM26 bagi pek 10 kilogram masih lagi sukar didapati dalam pasaran walaupun telah mendapat jaminan daripada pihak kerajaan. Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Petugas Khas (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Negara bagi Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, berdasarkan tinjauan pihaknya, bekalan beras putih tempatan masih tidak banyak di pasaran.

"Dari 173 lokasi yang kita tinjau termasuk Mydin, Lotus dan KK Mart, hanya enam lokasi yang mempunyai bekalan beras tempatan. itupun sangat sedikit dan tidak melebihi 100 kampak," katanya.

Terdahulu akhbar ini melaporkan pengguna akhirnya dapat membeli beras putih tempatan

yang berharga RM26 bagi pek 10 kilogram selepas enam bulan beras itu tiada dalam pasaran.

Isnin lalu, Syed Abu Hussin Hafiz berkata, beberapa lokasi utama di seluruh negara sudah tiada bekalan BPT sejak lebih empat bulan lalu.

Katanya, keadaan itu berbeza dengan pengumuman termasuk daripada Ketua Pengarah Bagan Kawal Selia Padi dan Beras di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Lebih merunsingkan apabila rakyat terpaksa berhadapan isu harga beras putih import (BPI) yang masih dianggap tinggi menjelang musim perayaan," katanya.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, beliau berpuas hati dengan keputusan kerajaan yang memberi jaminan berhubung bekalan beras tempatan tersebut.

Namun, setakat lapan hari selepas pengumuman yang dibuat itu, bekalan beras putih tempatan

masih lagi sukar untuk didapati. "Jadi saya minta Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, untuk menjelaskan perkara ini kepada rakyat," katanya.

Turut senada dalam isu berkenaan ialah Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cape) Mohamad Yusrizal Yusoff yang menyatakan bekalan beras putih tempatan masih 'belum nampak bayang' di kebanyakan pasar raya.

Katanya, keadaan itu menyukarkan pengguna berbelanja dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri semakin hampir.

"Saya sendiri buat tinjauan dan semakan, yang ada hanya beras import yang dijual pada harga RM30 bagi pek 10 kilogram, bukan semua rakyat mampu.

"Kita berharap menjelang raya, bekalan beras putih tempatan sudah ada banyak, pengguna boleh beli dengan hati yang senang," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

Pembekuan permit pemindahan padi di bawah kuasa Ketua Pengarah KPB

PUTRAJAYA - Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) menjelaskan kuasa pembekuan permit pemindahan padi antara negeri terletak di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] melalui fungsi Ketua Pengarahnya.

Menurut KPB, kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim bahawa kerajaan negeri yang mengeluarkan arahan pembekuan perpindahan padi adalah tidak tepat dan mengelirukan.

“Berkuat kuasa 20 Jun tahun lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui KPB telah membekukan semua permohonan permit perpindahan padi ke luar negeri,” katanya

dalam kenyataan.

Menurut KPB, langkah intervensi itu dibuat bagi mengatasi isu bekalan beras setempat serta mengambil kira kebajikan para petani dan arahan pembekuan permohonan perpindahan padi masih lagi berkuatkuasa sehingga kini.

“Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat lebihan hasil padi di dalam negeri dan terdapat keperluan untuk menjual padi merentasi negeri, permohonan boleh dikemukakan di pejabat KPB negeri untuk pertimbangan,” ujarnya.

Sebelum ini, menerusi laporan akhbar tempatan, Azman dilapor berkata, kerajaan negeri mengarahkan permit pemindahan padi keluar dari Terengganu dibekukan.

Beliau berkata, arahan tersebut bagi mengelakkan hasil dijual ke negeri lain.

Permit pindah padi antara negeri dibeku sejak Jun lalu

KPB anggap arahan kerajaan Terengganu tidak tepat, mengelirukan

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembekuan permit pemindahan padi di antara negeri adalah bidang kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB) mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

Dalam kenyataannya, KPB memaklumkan, arahan dikeluarkan kerajaan Terengganu berhubung pembekuan pemindahan padi keluar dari negeri itu adalah tidak tepat dan mengelirukan.

Katanya, sejak 20 Jun 2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui KPB telah membekukan semua permohonan permit perpindahan padi ke luar negeri.

“Langkah terbabit adalah pendekatan intervensi KPKM bagi mengatasi isu bekalan beras setempat serta mengambil kira kebajikan petani.

“Sehingga kini, arahan pembekuan permohonan perpindahan padi yang dibuat oleh KPKM menerusi KPB itu masih lagi berkuat kuasa,” katanya.

Bagaimanapun KPB berkata, sekiranya ada lebihan padi di dalam sesebuah negeri terbabit dan terdapat keperluan menjualnya merentasi negeri, permohonan boleh dikemukakan di pejabat KPB negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah KPB.

Pada Selasa lalu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim, dilaporkan berkata kerajaan negeri mem-beku permit pemindahan padi keluar dari negeri berkenaan. Beliau berkata, arahan itu antara mekanisme kawalan bagi mengelakkan hasil padi negeri dijual ke negeri lain.

Sementara itu, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) digesa menetapkan satu harga siling beras putih import (BPI) bagi



mengelak kadar itu dimanipulasi pengilang serta pemborong.

Harga BPI tak menentu

Pengerusi Pasukan Petugas (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata harga BPI dalam pasaran kini tidak menentu disebabkan pengilang industri meletak harga mengikut jenama dikeluarkan.

Beliau memberi contoh, harga sekampit BPI untuk 10 kilogram (kg) dijual hingga mencecah RM65, seakan tidak masuk akal memandangkan gred BPI adalah sama tanpa mengira ia diimport dari India atau Pakistan.

“Kecuali jenis beras itu dibezakan mengikut berapa peratus beras hancur yang ada di dalam sekampit beras itu. Justeru, BERNAS selaku pengimport

tunggal perlu ambil tanggungjawab menjelaskan mengapa perbezaan harga ini berlaku.

“Rakyat perlu maklum,” katanya kepada BH semalam sambil menjelaskan, harga kos sekampit beras 10 kilogram (kg) adalah RM30 selepas BERNAS bersetuju mengurangkan harga BPI kepada RM3,000 satu tan.

Kadar itu juga, katanya, ditambah upah pembungkusan dan penghantaran sebanyak RM4 serta peruncit mengambil keuntungan RMI.

“Harga asal sepatutnya RM37, tetapi kerajaan bersetuju mengurangkan RM2 sekampit. Oleh itu, sepatutnya harga jadi RM35 selepas mengambil kira kos dan keuntungan pada setiap peringkat lapisan pemain industri ini.

“Justeru, BERNAS perlu memaklumkan jenis beras yang dibeli rakyat dan menetapkan harga siling untuk mengelak kekeliruan, sedangkan beras yang dibeli semua sama saja grednya,” katanya.

BERNAS dirubuhkan pada 1994 dan mengambil alih peranan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk mengawasi perkembangan industri padi dan beras Malaysia.

Tanam padi dalam polibeg, tuai hasil selepas 3 bulan

Peneroka FELDA mengeluarkan modal RM200 tanam 300 pokok padi di sekeliling rumah

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kota Tinggi: Peneroka FELDA Air Tawar 3, di sini, menanam padi dalam polibeg yang hasilnya boleh dituai selepas tiga bulan.


Hamson Sariman, 68, menanam 300 padi secara berperingkat di sekeliling rumahnya selepas melawat Sekinchan, Selangor dan Perlis, antara pengeluaran padi di negara ini pada tahun lalu.

"Selepas melihat proses menanam padi, saya mula terfikir untuk tanam padi di rumah dengan permulaan menggunakan 200 gram benih yang diberikan seorang kenalan dari Kedah.

"Awalnya saya memang hendak beli, tetapi kenalan memberi segelintir percuma dan bantu saya dari segi cara penanaman dari awal hingga sekarang," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurut Hamson yang juga Ketua Blok Peringkat 2, Blok 7 FELDA Air Tawar 3, tanaman itu dushakan bersama isteri, Rosni Mohd Yusof, 67, sejak akhir tahun lalu.

20 polibeg hasilkan 2kg beras
Katanya selepas tiga bulan, 20 polibeg pokok padi miliknya sudah boleh dituai yang mengha-



Hamson menanam padi dalam polibeg secara berperingkat di sekeliling rumah di FELDA Air Tawar 3, Kota Tinggi. (Foto Omar Ahmad/BH)



Hamson menunjukkan hasil padi yang dituai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	HARIAN METRO	LOKAL	21

LAWATAN KE SEKINCHAN CETUS IDEA BUAT PENEROKA

Tanam padi dalam polibeg

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Kota Tinggi

Selain menjadikan halaman rumah landskap menghijau, seorang Peneroka Felda Air Tawar 3 di sini, mula menuai hasil tanaman padi dalam polibeg untuk kegunaan sendiri.

Hamson Sariman, 68, sebanyak 300 pokok padi ditanam secara berperingkat di sekeliling rumahnya selepas tertarik untuk menanam padi hasil lawatan ke Sekinchan, Selangor dan Perlis pada tahun lalu.

"Selepas melihat proses menanam padi, saya mula terfikir untuk tanam padi di rumah dengan permulaan menggunakan 200 gram benih padi yang diberikan seorang kenalan dari Kedah. Awalnya saya memang hendak beli, tetapi kenalan memberi se-cara percuma dan bantu



SEBAHAGIAN daripada 300 pokok padi di halaman rumah Hamson di Felda Air Tawar 3, Kota Tinggi.

saya dari segi cara penanaman dari awal hingga sekarang," katanya.

Menurut Hamson yang juga Ketua Blok Peringkat 2 Blok 7 Felda Air Tawar 3,

tanaman itu diusahakan bersama isterinya, Rosni Mohd Yusof, 67 sejak akhir tahun lalu.

Katanya, selepas tiga bulan, 20 polibeg pokok padi

ra-kira RM200 untuk membeli peralatan dan kelengkapan bagi proses penanaman padi. Saya dan isteri memang suka tanam pokok bunga untuk mengisi masa lapang, tetapi tidak menyangka akan tanam padi di rumah sendiri. Bila tanam padi saya ini tular di Facebook dan ramai orang datang ke rumah untuk melihat pokok padi saya, ada juga yang datang dari luar daerah. "Ada juga pihak Felda, agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, peladang dan lain-lain datang ke rumah kerana tertarik dengan padi yang ditanam. Saya jadi seronok kerana usaha saya ini dihargai," katanya.

Pada perancangan akan datang, bapa kepada tiga anak ini berhasrat mahu menanam lebih banyak padi, tetapi mempunyai kekangan dari segi ruang.

Sri Aman lokasi terbaharu rabies

Kuching: Sri Aman menjadi bahagian terbaharu di Sarawak diisytiharkan sebagai kawasan jangkitan rabies selepas Kuching, Samarahan, Serian dan Bintulu, kata Timbalan Premier, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Katanya, jumlah kematian keseluruhan adalah 71 daripada 78 kes rabies pada manusia sejak wabak itu diisytiharkan di Sarawak pada Julai 2017.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) itu berkata, pengisytiharan itu dimaklumkan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Datuk Seri Stephen Rundi Utom pada Isnin, susulan kes positif rabies haiwan baharu di kesan di bahagian itu.

“Sebanyak 29 kawasan masih kekal sebagai kawasan san jangkitan rabies wa-

laupun tiada haiwan positif rabies dikesan di kawasan terabit tahun ini.

“Pengisytiharan ini adalah perlu bagi memastikan lebih banyak usaha membasmi rabies di bahagian terjejas oleh agensi berkaitan,”katanya dalam kenyataan di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Puntapan Bengkel Pemantapan Pelan Tindakan Kawalan dan Pembasmian Rabies 2024-2025 anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) di sini.

29

Jumlah kawasan masih kekal sebagai kawasan jangkitan rabies walaupun tiada haiwan positif rabies dikesan tahun ini.

Sri Aman declared rabies-infected area

KUCHING: Sri Aman became the latest division in Sarawak to be declared a rabies-infected area after Kuching, Samarahan, Serian and Bintulu as the disease claimed 71 lives from 78 cases reported.

Sarawak Disaster Management Committee chairman Datuk Amar Douglas Uggah Embas said the declaration, made by the State Minister of Food Industry, Commodity and Regional Development Datuk Seri Stephen Rundi Utom last Monday, was due to new positive rabies cases in Sri Aman recently.

"A total of 29 areas remain as rabies-infected areas although there is no (new) positive cases this year. The declaration is necessary to ensure increased efforts to eradicate rabies in the affected division."

Uggah, who is also Sarawak deputy premier, said a two-day workshop titled Action Plan for Rabies Control and Eradication 2024-2025 was held since yesterday, involving 140 participants from 13 agencies.

He said the workshop proposed 14 veterinary mobile teams and 12 enforcement teams be established to achieve and maintain 70% herd immunity, with 133 new posts in the Sarawak Department of Veterinary Services created to intensify anti-rabies vaccination programmes.

He added that the department, police, the Immune Belt Enforcement Team and local councils in Sarawak will form an enforcement team to carry out enforcement on unvaccinated dogs, removing stray dogs and dog licensing to reduce the stray population and increase vaccination coverage. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Ribuan ubur-ubur terdampar di pesisir pantai

KOTA KINABALU - Peningkatan kadar pembiakan ubur-ubur di- sebabkan peningkatan suhu di perairan punca kehadiran hamparan haiwan laut itu di sepanjang pesisir pantai Kampung Jangkot, Kuala Penyu.

Ubur-ubur jenis *tomato jellyfish* atau nama saintifiknya *Lobonemoides robustus* dilihat terdampar di sepanjang kira-kira tiga kilometer pesisir pantai tersebut tular di media sosial sejak Rabu.

Pengarah Perikanan Sabah, Azhar Kassim berkata, pihaknya menghantar anggota dari pejabat Kuala Penyu ke lokasi kejadian untuk memantau dan menyiasat ubur-ubur terdampar yang dilihat

begitu luar biasa dan padat. "Menurut penduduk, ia kali pertama kali berlaku di mana hamparan ubur-ubur yang begitu banyak.

"Jabatan Perikanan mengenal pasti jenis ubur-ubur dan penilitian mendapati kepadatan populasi itu luar biasa berlaku kerana meningkatnya kadar pembiakan haiwan berairan laut.

"Ia juga berkait rapat dengan kewujudan sumber makanan seperti zooplankton, crustacea kecil, anak ikan dan sebagainya di laut selain turut dipengaruhi oleh faktor air pasang dan surut yang mendadak menyebabkan ubur-ubur secara mendadak terperangkap dan terdampar

INFO

UBUR-UBUR jenis *tomato jellyfish* atau nama saintifiknya *Lobonemoides robustus* tidak berbahaya namun memberi kesan gatal pada badan jika tersentuh.

di pantai," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Bagaimanapun, Azhar berkata, ubur-ubur tersebut bukan jenis yang berbisa atau berbahaya namun boleh memberi kesan gatal pada badan apabila tersentuh dengan kulit.

"Orang ramai dinasihatkan elak mandi di kawasan itu," jelasnya.



Hamparan ubur-ubur di pesisir pantai Kampung Jangkot, Kuala Penyu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	HARIAN METRO	LOKAL	18



KEADAAN tali air sawah padi sekitar Ketereh kering susulan kekurangan bekalan air yang disalurkan ekoran musim kemarau yang melanda ketika ini. Keadaan ini menyebabkan hasil tanaman padi di kawasan tersebut tidak dapat dituai akibat terbantu, sekaligus menyebabkan produktiviti padi dan mendapatkan pesawah di kawasan tersebut merosot.

CUACA PANAS

Padi dahagakan air

Kota Bharu: Kebanyakan petani di Kelantan hanya mampu berserah dan reda apabila hasil tanaman mereka rosak teruk dan tidak dapat dituai, berikutan cuaca panas dan kering yang dialami negara ketika ini.

Tinjauan mendapati antara kawasan tanaman padi yang terjejas teruk ialah Kota Bharu Utara dan Selatan, terutama di sekitar Ketereh yang bergantung sepenuhnya kepada sumber air daripada pam Kemubu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Mukim Dusun Rendah Ketereh Azman Jusoh berkata aduan yang diterima memaklumkan, terdapat sebahagian

padi seluas kira-kira 40.4 hektar itu berusia dua bulan dan memerlukan air yang mencukupi untuk proses tumbesaran.

"Krisis bekalan air yang serius sejak bulan lalu bukan hanya menyebabkan padi terbantu, bahkan menjadi kemerah-merahan dan petani berdepan kerugian sehingga puluhan ribu ringgit.

"Kawasan ini bergantung sepenuhnya kepada pam Kemubu namun berdepan dengan masalah air yang kritikal, jadi usaha mendapatkan sumber air lain juga menemui jalan buntu," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Kampung Lepah bagi PPK Cherang Rotan di Pasisir Puteh Che Satar Mat Din, 64, pula berkata se-

bahagian 161.8 hektar padi di kawasannya juga berdepan masalah sama dan hampir 24.2 hektar padi telah mati, kerana tidak mendapat bekalan air yang secukupnya.

"Sebahagian lagi kawasan masih dalam keadaan bertahan namun air sungai Kampung Berangan yang disedut petani sudah kering sejak minggu lepas dan kemudahan pam sudah tidak dapat lagi digunakan.

"Jika keadaan sama masih berterusan, mungkin dalam tempoh dua minggu lagi semua padi di kawasan ini tidak dapat diselamatkan juga," katanya yang turut mengalami kerugian apabila 16.1 hektar padi miliknya turut terkesan akibat cuaca panas.

Beliau yang mengusahakan tanaman padi sejak 30 tahun lalu, berharap Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) dapat mengambil langkah lebih proaktif pada musim akan datang, bagi mengelak masalah sama berulang sekali gus membantu petani meningkatkan pengeluaran hasil padi di negeri ini.

Sebelum ini, Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Maqrun Fadzi Mohd Fahmi berkata keadaan cuaca panas dan kering yang dialami negara ketika ini dijangka mula berkurangan pada awal April apabila fasa Peralihan Monsun dijangka berlaku dalam tempoh itu.

Risau tiada benih padi berulang



Oleh MOHD HAFIZ AID MUTALIB

ARAU: Ketidadaan dan kelowat pesawah berhubung dengan harga, menyebabkan pesawah berdepan pelbagai masalah dan risau. Hal ini dikhuatiri berhubung pada musim tanam kali ini, pesawah berdepan risiko kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Malah, pesawah juga rusing memelihara harga benih yang berketungahan tinggi. Pesawah berdepan dengan risiko kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Sebelum ini, Utusan Malaysia melaporkan, kira-kira 71,000 petak padi di kawasan MADA berdepan dengan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Pesawah berdepan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan. Hal ini dikhuatiri berhubung pada musim tanam kali ini, pesawah berdepan risiko kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Sebelum ini, Utusan Malaysia melaporkan, kira-kira 71,000 petak padi di kawasan MADA berdepan dengan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Pesawah berdepan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan. Hal ini dikhuatiri berhubung pada musim tanam kali ini, pesawah berdepan risiko kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

PESAWAH di kawasan MADA berdepan dengan masalah kekurangan benih padi berulang pada musim ini yang jeda penanamannya bermula sekitar April sehingga Mei depan. - UTUSAN

Sebelum ini, Utusan Malaysia melaporkan, kira-kira 71,000 petak padi di kawasan MADA berdepan dengan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Pesawah berdepan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan. Hal ini dikhuatiri berhubung pada musim tanam kali ini, pesawah berdepan risiko kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Sebelum ini, Utusan Malaysia melaporkan, kira-kira 71,000 petak padi di kawasan MADA berdepan dengan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Pesawah berdepan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan. Hal ini dikhuatiri berhubung pada musim tanam kali ini, pesawah berdepan risiko kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Projek tanam padi berkelompok diteruskan



PTIS SAMA meneruskan projek tanam padi berkelompok di kawasan Projek Utusan/Noor Hafiz Mamat

Projek tanam padi berkelompok diteruskan. Pesawah berdepan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

300 pesawah susah hati tiada benih padi

PASIR PUTEH: Lebih 300 pesawah berdepan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

Sebelum ini, Utusan Malaysia melaporkan, kira-kira 71,000 petak padi di kawasan MADA berdepan dengan masalah kekurangan benih padi bermula sekitar April dan Mei depan.

350 kampil beras 'licin' tak sampai 10 minit

Orang ramai serbu dapatkan beras percuma sumbangan pemilik kedai runcit

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Sebanyak 350 kampil beras percuma yang disumbangkan oleh sebuah kedai runcit di sini habis dalam tempoh tidak sampai 10 minit.

Pengurus Gemilang Speed Mart, Siti Fatimah Mohamed Farook berkata, walaupun waktu agihan beras tersebut bermula jam 2 petang, orang ramai telah menyerbu kedai berkenaan seawal jam 12.30 tengah hari.

Katanya, pada peringkat awal mereka hanya menyediakan 300 kampil beras jati seberat 5 kilogram (kg) yang setiap satunya berharga RM21.50, namun disebabkan sambutan di luar jangkaan mereka terpaksa menambah 50 kampil lagi beras tersebut.

"Sambutan diterima amat menggalakan cuma kita tak tahu sama ada mereka yang ambil beras itu dalam kalangan golongan memerlukan atau tidak.

"Mengikut perancangan asal, kami adik-beradik mahu fokus beri beras per-



Abang Siti Fatimah, Mohd Ramli (dua dari kanan) mengagihkan beras tambahan kepada mereka yang tidak sempat mendapatkan beras percuma di kedai runcit Gemilang Speed Mart di Kuala Terengganu pada Khamis.

cuma kepada golongan memerlukan dengan satu kampil untuk satu keluarga namun disebabkan terlalu ramai yang datang kita tak dapat fokus kepada setiap penerima.

"Ada pelanggan yang telah beratur sejak jam 1.30 tengah hari tak dapat beras dan kita terpaksa tambah stok lagi untuk mereka," katanya ketika ditemui pemberita di sini pada Khamis.

Siti Fatimah berkata, dia terkilan kerana terdapat pelanggan yang tidak sempat mendapatkan beras tersebut.

"Kita perhatikan ada juga penerima daripada keluarga yang sama beratur untuk mendapatkan beras dan keadaan ini kita kesal kerana mereka yang layak pula tak dapat disebabkan kehabisan

stok beras percuma.

"Akan datang saya harap kita semua dapat sama-sama berinfak untuk berkongsi rezeki agar lebih ramai kumpulan sasar dapat dibantu," katanya yang telah kali kedua melakukan infak beras percuma selepas kali pertama pada 2023.

Sementara itu, ibu tunggal, Maziana Embong, 55, berkata, dia datang dari Kampung Gelugur Raja, Wakaf Mempelam semata-mata untuk mendapatkan beras percuma itu.

"Saya sudah beratur awal sejak jam 1.30 tengah hari tapi apabila tiba giliran saya, beras sudah habis.

"Mungkin bukan rezeki saya kali ini, tapi kalau masih ada lagi beras saya amat berbesar hati," katanya.

Sawah padi Tok Lawit Paya Rapat kembali pulih

HULU TERENGGANU – Seramai 25 peserta projek Tanaman Padi Berkelompok Kampung Tok Lawit/Paya Rapat di sini menarik nafas lega apabila bendang mereka yang sebelum ini terjejas teruk akibat banjir besar kira-kira dua tahun lalu kini sudah kembali boleh disahakan semula.

Rata-rata pesawah yang kehilangan pendapatan sejak hujung tahun 2022 itu juga bersyukur sistem pengaliran tidak terjejas biar pun sedang berhadapan dengan cuaca panas.

Seorang peserta, Samudin Mat Zin, 56, berkata, kawasan sawah padi seluas 48 hektar tersebut sudah boleh diusahakan kembali sejak bulan Februari lalu.

"Benih-benih padi sudah mula ditabur pada bulan lalu dengan sumber air pengaliran dari Sungai Telomong berhamiran mencukupi.

"Alhamdulillah, ia tidak terjejas dengan cuaca panas yang sedang melanda negara ketika

ini," katanya ketika ditemui di Kampung Tok Lawit di sini.

Peserta lain, Siti Habsah, 65, berkata, pertembungan itu melegakan memandangkan sebelum ini mereka tidak dapat mengusahakan sawah sebanyak dua pusingan ekoran banjir besar terababit.

"Kerugian yang kami alami lebih RM10,000 setelah tidak dapat mengusahakan sawah padi sepanjang tahun lalu.

"Kebiasaannya kami boleh mendapat hasil padi sehingga 180 metrik tan pada setiap pusingan," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Peladang Projek Tanaman Padi Berkelompok Paya Rapat, Johari Chik berkata, mereka berharap mendapat hasil lebih membarangsangkan pada pusingan terbaharu ini.

"Serakat ini, semua berjalan lancar cuma masih ada sedikit kesan-kesan banjir besar dahulu yang belum dapat dibaki sepenuhnya," ujarnya.



SITI HABSAB (kiri) sedang memantau anak padi yang sedang ditanam di projek Tanaman Padi Berkelompok Kampung Tok Lawit/Paya Rapat, Hulu Terengganu semalam.

RM200,000 bantu petani hadapi kemarau

KOTA BHARU: Kerajaan negeri melulus peruntukan khas sebanyak RM200,000 bagi membina telaga tiub dan pembelian pam air berkuasa tinggi bagi membantu petani berdepan dengan kemarau sekarang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, usaha itu dilakukan bagi menangani fenomena el Nino yang menjejaskan sumber air bagi aktiviti pertanian.

Katanya tanaman padi sangat sensitif dengan kekurangan air dalam sawah.

“Air diperlukan ketika 20 hari sebelum dan 10 hari selepas tangkai padi keluar. Kekurangan air memungkin kan pokok padi menjadi hampa.

“Masalah itu dibincang pada mesyuarat penyelarasan bencana kemarau sektor pertanian bersama pengarah dan wakil-wakil agensi pertanian,” katanya di sini.

Hadir sama Pengarah Jabatan Pertanian Kelantan Norbahani Zakaria, wakil KADA, IADA Kemasin Semarak,



Kerja-kerja menyedup air untuk dialirkan ke sawah di Pasir Puteh.

Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Pejabat Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN).

Tuan Mohd Saripudin berkata, mesyuarat tersebut membincang gerak kerja serta tindakan segera yang boleh dilakukan agensi terlibat.

Menurutnya juga sehingga sekarang sebanyak 60 telaga tiub dibina dan beberapa pam air berkuasa tinggi disumbangkan kepada petani.

“Saya menyalurkan bantuan segera kepada petani terjejas melalui Pusat Khidmat Dun (PKD) dengan kerjasama wakil rakyat di kawasan terlibat,”

“Masalah itu dibincang pada mesyuarat penyelarasan bencana kemarau sektor pertanian bersama pengarah dan wakil-wakil agensi pertanian.”

ujarnya.

Oleh itu beliau berharap petani yang terjejas akibat kemarau memaklumkan kepada PKD bagi membolehkan tindakan susulan diambil.

Sementara itu Setiausaha PKD Selising, Khairul Azran menyampikan sumbangan kepada wakil petani Bukit Tanah untuk memasang sistem pengairan ke sawah padi.

Pam digunakan bagi menyalur air ke sawah yang kering akibat kemarau yang Panjang sekarang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2024	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	28

Gali 100 telaga tiub untuk pesawah

Bagi atasi masalah kekurangan bekalan air akibat kemarau, pihak kerajaan negeri

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
KOTA BHARU

Kerajaan negeri Kelantan akan menggali 100 telaga tiub bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air akibat kemarau yang membelenggu pesawah di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kerja tersebut melibatkan peruntukan



Tuan Mohd (depan empat dari kanan) bersama petani ketika majlis penyerahan pam air padi di Machang.

penuh kerajaan negeri. "Antara kawasan terlibat adalah Salor (Kota Bharu), Pasir Puteh, Jelawat dan beberapa lokasi lain yang terkesan akibat kemarau.

"Kerja ini dilakukan secara berperingkat. Hal ini kerana Kelantan berdepan tenaga kerja untuk melakukan tugas berkenaan buat masa ini," katanya ketika ditemui.

Menurut Tuan Mohd, kerja menggali membabitkan kedalaman antara 42.6 meter hingga 76.2 meter, bergantung kepada lokasi.

"Selain itu, kerajaan negeri

turut menyediakan kemudahan pam bergerak dan jumlah peruntukan keseluruhan ini bernilai RM200,000.

"Kerajaan negeri mengambil serius perkara ini termasuk agensi kerajaan negeri dan Persekutuan berpadu tenaga dalam berdepan situasi ini," katanya.

Katanya, agensi negeri dan pusat yang terlibat adalah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak, Jabatan Pertanian serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya.

Dalam perkembangan lain, Tuan Mohd berkata, sebanyak 7,000 hektar sawah padi di seluruh negeri ini mengalami kerosakan akibat kemarau.

Tambahnya, pesawah terkesan boleh membuat laporan kepada Jabatan Pertanian untuk mendapatkan bantuan di bawah tabung bantuan bencana.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Tembikai istimewa Tahfiz al-Quran Al-Ahmad



AHMAD Firdaus Mohd. Mazlan Kushar (kiri) dan Shirol Hisam memberi pengalaman kepada pengunjung untuk memetik sendiri buah golden melon yang ingin dibeli di Maahad Tahfiz al-Quran Al-Ahmad. Tapah. - UTUSAN/MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

TAPAH: Kebiasaannya madrasah atau sekolah pondok akan sibuk dengan pelbagai aktiviti seperti tadarus al-Quran, solat sunat tarawih secara berjemaah atau memenuhi jemputan berbuka puasa sepanjang Ramadan.

Namun, Maahad Tahfiz al-Quran Al-Ahmad mengambil kesempatan cuaca panas mutakhir ini dengan menjual golden melon selain menjana pendapatan sampingan.

Pengasasnya, Ahmad Firdaus Mohd. Mazlan Kushar, 39, berkata, keunikan konsep jualan di tahfiz tersebut ialah pengunjung boleh memetik sendiri buah tembikai itu tanpa terhad pada kuantiti tertentu.

"Sebenarnya, kami berbuat sedemikian supaya pengunjung dapat merasai pengalaman yang

berbeza berada di dalam rumah hijau ibarat seorang petani.

"Selain itu, ada kakitangan kami akan memberikan khidmat nasihat seperti cara memilih buah yang telah masak, berkualiti dan cara memotong tangkai serta tali buah yang betul supaya tembikai itu boleh bertahan lebih lama walaupun bukan suhu yang sama seperti di dalam peti sejuk," katanya di sini semalam.

Katanya lagi, buah golden melon itu enak dimakan semasa berbuka puasa selain boleh dijadikan jus yang lazat.

"Kami bersyukur kerana mendapat bantuan serta khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian Perak.

"Jika tiada aral melintang tam-bahan 1,000 pokok buah ini akan diusahakan nanti yang menjadikan

jumlah keseluruhannya ialah 2,000 pokok.

"Kebanyakan pembeli pelanggan sekitar daerah ini, Kuala Lumpur, Selangor dan Singapura kerana kami juga melakukan promosi melalui Facebook, IG, Shopee dan TikTok Live," katanya.

Dalam pada itu, pengurus projek yang juga salah seorang tenaga pengajar, Shirol Hisam, 40, berkata, buah tembikai berkualiti tinggi itu dijual dengan harga RM15 sekilogram (kg).

"Sepanjang bulan Ramadan ini saya jangkakan 1,000 kg buah dapat dihasilkan untuk kegunaan tahfiz sendiri dan jualan pada orang ramai," katanya.

Tahfiz itu merupakan yang pertama di negara ini mengusahakan tanaman golden melon secara komersial.